

Pelancaran SNNi bukti kejayaan dialog perkongsian bestari

UM 14 AUG 2

KUALA LUMPUR, 13 Ogos — Pelancaran rangkaian perkongsian berita, Smart News Network International (SNNi) di Kampala, Uganda, awal minggu depan merupakan bukti kejayaan penganjuran dialog perkongsian bestari antarabangsa, Global 2001 yang pada tahun ini merangkumkan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID).

Pengerusi Kumpulan Eksekutif Bersama Global 2001, Tan Sri Dr. Omar Abdul Rahman berkata, pelancaran rangkaian perkongsian berita itu yang disertai oleh lapan buah negara pada peringkat awal termasuk empat organisasi media tempatan, mencerminkan keberkesanan amalan konsep perkongsian bestari.

"Pada pandangan saya, usaha ini merupakan pencapaian terbaik dalam mengembangkan amalan konsep perkongsian bestari," kata beliau pada majlis taklimat media mengenai Global 2001 (SAID/LID) di sini, petang ini.

Pada tahun ini LID tidak akan diadakan, sebaliknya negara rantau Afrika diberi



GLOBAL 2001 (SAID/LID)

penghormatan menganjurkan Global 2001 (SAID/LID). SAID 2000 telah berlangsung di Mozambique.

Majlis pelancaran SNNi akan dilakukan pada Isnin depan iaitu hari kedua dialog berkenaan.

Perintis

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang merupakan perintis usaha pengembangan dialog perkongsian bestari akan menghadiri pertemuan kali ini. Ketua kerajaan dan negara 12 buah negara lain turut menghadiri dialog tahun ini.

Pada majlis pelancaran itu, Dr. Mahathir dijadualkan me-

nyampaikan ucapan bertajuk Perkongsian Bestari Global 2001.

Ini merupakan kali pertama Uganda menjadi tuan rumah Global 2001 (SAID/LID) yang juga julung kali dianjurkan di luar Langkawi dan rantau selatan Afrika.

Mengulas lanjut mengenai SNNi, bmar yang juga Pengerusi Pakatan Pengurusan Teknologi Komanwel (CPTM), yang bertindak sebagai badan bersama menganjurkan dialog-dialog perkongsian bestari sejak 1995, memberitahu, satu majlis menandatangani penubuhan rangkaian berkenaan akan diadakan Sabtu ini.

"Perjanjian ini lebih mirip' mendapatkan komitmen bertulis pelaksanaan SNNi," kata beliau.

Buat peringkat awal, pejabat SNNi akan terletak di sini. Empat organisasi media tempatan yang terlibat secara langsung merealisasikan SNNi ialah Kumpulan Utusan, Pertubuhan Berita Nasional (Bernama), Star Publications (M) Berhad dan Kumpulan New Straits Times.